KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

STATISTIK HARI INI
oleh DOSM pada 12:00 tengah hari

3 NOVEMBER 2025 | #247

STATISTIK KANAK-KANAK, MALAYSIA, 2025

PENDUDUK[P]



Komposisi kanak-kanak bawah umur **18 tahun** pada 2025 adalah **26.4 peratus** iaitu **9.0 juta** daripada jumlah penduduk **34.2 juta**

Bilangan kanak-kanak mengikut jantina

Lelaki **4.7 juta**



Perempuan **4.4 juta**

Nota:
[P] Permulaan
i. Data adalah merujuk kepada data anggaran penduduk semasa pertengahan tahun berasaskan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 2020
ii. Hasil tambah mungkin berbeza disebabkan pembundaran

KESIHATAN

Bilangan kelahiran hidup, 2024

415.0 ribu

Lelaki **214.0 ribu**



Perempuan **201.0 ribu**

Bilangan kematian, 2024

('000)

3.3	Perinatal	1.9	Neonatal	3.0	Bayi
0.6	1 - 4 tahun	3.6	Kurang 5 tahun		

Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia

PENDIDIKAN



Kadar peralihan enrolmen, 2024

Peringkat rendah ke menengah rendah	Peringkat menengah rendah ke menengah atas	Peringkat menengah atas ke lepasan menengah
91.8%	97.6%	18.0%

Nota:
Merujuk kepada sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan

Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia

PERLINDUNGAN KANAK-KANAK

Kanak-kanak yang memerlukan pemeliharaan dan perlindungan, 2024



9,624 orang



Bilangan pusat dan penghuni pusat jagaan kanak-kanak, 2024

Pusat **1,517 buah**

Penghuni **38,955 orang**

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat

KANAK-KANAK TERLIBAT DENGAN JENAYAH

Empat jenis kesalahan tertinggi kanak-kanak terlibat dengan jenayah, 2024

Jenayah berkaitan manusia	711 orang
Kesalahan lalu lintas	466 orang
Jenayah berkaitan harta benda	465 orang
Dadah	347 orang



Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat

@StatsMalaysia

ASEAN MALAYSIA 2025 KETERANGKUMAN DAN KEMAMPANAN

MALAYSIA MADANI kesejahteraan

ODIN 2024-2025 OPEN DATA INVENTORY MALAYSIA TEMPAT PERTAMA DI DUNIA

20 Oktober

2016 - 2030

Kanak-kanak memerlukan penjagaan dan perlindungan meningkat 12.7 peratus pada 2024

- Berdasarkan anggaran penduduk 2025, jumlah kanak-kanak berumur bawah 18 tahun di Malaysia dianggarkan seramai 9.03 juta orang, iaitu 26.4 peratus daripada jumlah penduduk 34.23 juta. Daripada jumlah ini, 4.66 juta adalah lelaki dan 4.37 juta adalah perempuan. Kanak-kanak berumur bawah lima tahun pula berjumlah 2.31 juta orang.

- W.P. Putrajaya mencatatkan peratusan tertinggi kanak-kanak bawah 18 tahun (39.9%), diikuti Kelantan (33.5%) dan Terengganu (32.9%). Dari segi bilangan, Selangor mencatatkan jumlah kanak-kanak tertinggi iaitu 1.81 juta orang, manakala W.P. Labuan mencatatkan jumlah terendah iaitu 0.03 juta orang.

- Dari aspek kesihatan, liputan imunisasi bayi menunjukkan penurunan pada tahun 2024 bagi kelima-lima jenis imuninasi utama. Liputan bagi Polio, Difteria, Tetanus & Pertusis (DTP), Haemophilus Influenzae Type B (HIB) dan Hepatitis B masing-masing menurun 6.1 mata peratus, manakala Bacillus Calmette-Guerin (BCG) menurun 0.3 mata peratus.

- Bilangan Pusat Jagaan Kanak-Kanak Berdaftar (TASKA) meningkat 1.4 peratus kepada 3,198 buah pada 2024. Johor mencatatkan pertumbuhan tertinggi iaitu 29.4 peratus, manakala W.P. Putrajaya mencatatkan penurunan terbesar iaitu 21.0 peratus. Enrolmen murid di sekolah kerajaan dan bantuan kerajaan menurun 0.2 peratus, dengan 3.0 peratus di peringkat menengah atas. Enrolmen di sekolah swasta juga menurun iaitu 0.3 peratus, terutamanya disebabkan penurunan 3.4 peratus di peringkat tadika.

- Bilangan kanak-kanak yang memerlukan penjagaan dan perlindungan meningkat 12.7 peratus kepada 9,624 kes pada 2024. Kanak-kanak perempuan mencatatkan 6,031 kes, manakala peningkatan dalam kalangan kanak-kanak lelaki lebih tinggi iaitu 15.2 peratus berbanding 11.3 peratus bagi perempuan.

- Bilangan kanak-kanak yang terlibat dalam jenayah menurun 4.2 peratus kepada 2,627 kes. Kanak-kanak Bumiputera mencatatkan peratusan tertinggi iaitu 82.2 peratus, diikuti Cina (9.0%), India (4.9%) dan Lain-lain (4.1%).